

Data analitik peluang pekerjaan baharu

KUALA LUMPUR: Malaysia memerlukan lebih ramai rakyat yang berkebolehan untuk menganalisis data sejajar dengan usaha berkembang ke arah menjadi negara maju.

Bukan itu sahaja, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, tugas dalam bidang data analitik amat penting dalam proses membina dan mengukuhkan negara yang sedang bergerak dalam era ekonomi digital dilengkapi kecerdasan buatan (AI).

Mohd. Uzir malah berkata, pakar dalam bidang data sains atau analitik telah terbukti men-



DR. MOHD. UZIR MAHIDIN

dapat pulangan atau gaji yang lebih tinggi di negara-negara

maju.

“Kita sebenarnya memerlukan ramai yang boleh menganalisis data kerana ia merupakan bidang diperlukan sekarang, apatah lagi kekuatan dalam menganalisis data bukan sahaja dilaksanakan di sesetengah segmen.

“Saya bagi pihak Jabatan Perangkaan sebagai peneraju sistem statistik amat mengharapkan ramai dalam kalangan rakyat terutama generasi muda dapat jadikan bidang ini sebagai kerjaya.

“Di negara-negara maju, kita dapat lihat daripada seorang

saintis data ke saintis data yang lain tidak mempunyai kelebihan yang sama. Mereka umpama juruterbang syarikat penerbangan komersial, lebih banyak penerbangan dilakukan, mereka lebih pakar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dalam Persidangan Masa Depan Pekerjaan Sektor Pelancongan di Malaysia, pelancaran analitik data besar (BDA) dan penyampaian hadiah *Labour Market Information (LMI) Open Data Challenge* di Putrajaya dekat sini semalam.